

13/07/2002

TPM kesal Nik Aziz sanggup bersubahat maki hamun

Kadir Dikoh

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kesal dengan sikap pemimpin Pas yang sanggup bersubahat sesama sendiri untuk memaki hamun pemimpin kerajaan dan Umno.

Malah, Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat membela Mohamad Sabu yang secara jelas mencaci, amat menghairankan.

"Islam meminta umatnya berbuat dan bercakap secara baik dan ia bertentangan dengan ajaran sebenar Islam jika kita melakukan sebaliknya.

"Ini tak kena langsung. Amat menghairankan saya kerana Nik Aziz bersikap demikian," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pasukan bermotor Pemuda Barisan Nasional (BN) di dataran Alor Madi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Nik Aziz yang menyatakan Mohamad Sabu akan terus memaki hamun ahli dan pemimpin Umno selagi Umno tidak mengakui kesalahan yang dilakukan terhadap Pas.

Mohamad Sabu dan Ahli Parlimen Sik, Datuk Shanon Ahmad menghina dan mengumpat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Abdullah, yang antara lain menyifatkan mereka sebagai orang gila dan haprak.

Abdullah yang menegaskan tindakan pemimpin Pas itu bukan cara Islam, bertanya apakah kesalahan pemimpin Umno sehingga dihina dan dicaci seperti itu.

"Cuma dia (Pas) yang salah kepada kita, dia yang tak mahu ikut cakap kita. Kita dalam kerajaan, kita buat apa yang kita ingat baik untuk rakyat, baik untuk negara.

"Tetapi mereka pilih untuk menentang, hatta mengajar orang supaya jangan bersyukur terhadap segala nikmat yang ada, mengajar orang supaya jangan terima kasih kononnya kalau kerajaan mana sekalipun, serupa saja dan boleh buat," katanya.

Beliau berkata, yang jelas ialah sejak memerintah Terengganu dan Kelantan, Pas tidak membawa pembangunan seperti kerajaan BN dulu. Malah, Pas menang di dua negeri itu kerana janji mereka untuk menubuhkan kerajaan Islam.

"Tetapi tiada apa yang boleh membuktikan bahawa kerja mereka itu, khidmat mereka itu boleh membangun, boleh memberi kejayaan kepada orang Islam. Ini adalah satu kegagalan Pas sebenarnya.

"Jadi itulah modalnya, mengata orang dengan harapan rakyat akan percaya kalau mereka kata kat kita, seolah-olah depa lah yang betul. Ini adalah cara yang berlawanan dengan agama.

"Agama minta supaya kita bercakap baik. Orang yang baik cakupnya itu, menyeru kepada jalan Allah dan membuat perkara yang baik... itu adalah orang Islam. Cakap itu menjadi satu daripada contoh, bukti bahawa orang itu adalah orang Islam," katanya.